

# Kalau ada syarikat asing yang nak dijual kita beli

**SOAL:** Apakah rancangan Datuk Seri bagi tempoh 10 tahun akan datang jika kita mencapai matlamat 1990?

**PM:** Kita harus meneruskan dasar-dasar yang sedia ada, dengan kegiatan-kegiatan masa kini, kita mesti melaksanakan berbagai kegiatan ekonomi, dan membahaginya dengan baik. Banyak perkara yang harus dilakukan, tetapi yang lebih utama kita mahu rakyat memahami apa yang kita lakukan, kerana kebanyakan sungutan terhadap Dasar Ekonomi Baru disebabkan oleh kurangnya kefahaman.

**SOAL:** Jika Datuk Seri menulis The Malay Dilemma sekali lagi, adakah Datuk Seri akan membuatnya dalam bentuk yang sama atau akan membuat beberapa perubahan?

**PM:** Seperti yang saya nyatakan di Parlimen beberapa hari lalu, keadaan telah berubah. Semasa saya menulis The Malay Dilemma ketika itu bahagian orang-orang Melayu dalam ekonomi syarikat hanya 1 peratus. Sekarang ia lebih 12 peratus. Pada masa ini kita juga boleh menyatakan dunia mengetahui tentang Permodalan Nasional, sebagai contoh, ia adalah satu kuasa yang mesti harus diakui, walaupun di London. Jadi, saya rasa keadaan telah berubah dan setengah dari perkara yang saya nyatakan mungkin tidak lagi sesuai. Oleh itu mungkin terdapat beberapa perubahan, tetapi filosofi dasarnya tetap ada.

**SOAL:** Apa pendapat Datuk Seri mengenai tahun-tahun selepas 1990?

**PM:** Saya tidak akan berada di sini lagi. Perdana Menteri-Perdana Menteri yang lain akan memikirkannya tentang itu. Terpulang kepada mereka.

**SOAL:** Langkah-lang-

kah keluar negeri untuk mendapatkan balik apa yang sepatutnya menjadi hak kita, harta-harta di seberang laut, adakah ia akan diteruskan?

**PM:** Selagi terdapat harta yang boleh kita beli, kita akan beli. Tetapi, akan tiba masanya apabila harta-harta asing milik kita telah di bawa pulang dan kita masih mempunyai wang. Kita boleh membeli sebarang saham, kita juga boleh membeli syarikat-syarikat asing dan membawanya ke sini, jika kita dapati tidak ada undang-undang yang menghalangnya. Saya telah menjelaskan beberapa hari lalu hakikat bahawa seseorang melabur di negara ini sebuah syarikat dengan 100 peratus pemilikan asing tidak bererti kita tidak boleh membeli syarikat asing itu. Jika ia untuk dijual, kita akan beli. Lagi pun, orang-orang Arab sedang membeli, ramai lagi orang lain sedang membeli. Pada satu masa orang-orang Jepun membeli syarikat-syarikat British dan syarikat-syarikat Amerika. Sekarang, mengapakah orang-orang Malaysia tidak boleh membeli. Kita juga sama dengan orang-orang lain.

**SOAL:** Datuk Seri sudah melawat Indonesia dan Thailand setelah menjadi Perdana Menteri. Bila pula giliran Singapura dan Manila?

**PM:** Masa ini belum ada rancangan lagi.

**SOAL:** Tidakkah itu membayangkan yang Datuk Seri sengaja tidak mahu pergi ke Singapura?

**PM:** Macam mana pun mesti ada yang dahulu dan ada yang kemudian. Semuanya tertakluk kepada masa, kepada ke lapangan, bukan sahaja bagi pihak saya, pihak orang lain pun.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia